



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 15 DISEMBER 2020

#### STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada hari ini bilangan kes sembuh COVID-19 adalah sebanyak **1,084 kes**. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya daripada COVID-19 adalah **71,681 kes** (82.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

#### STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Pada hari ini, 15 Disember 2020, negara kita telah merekodkan kes harian baharu sebanyak **1,772 kes**. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia sebanyak **86,618 kes**. Manakala, **jumlah kes aktif dengan**

**kebolehjangkitan COVID-19 pula adalah 14,515 kes.** Daripada jumlah kes baharu berkenaan, terdapat 12 kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara manakala penularan COVID-19 dalam negara pula adalah sebanyak 1,760 kes.

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur melaporkan kes harian tertinggi pada hari ini iaitu sebanyak **696 kes (39.3 peratus)** di mana **567 kes (81.5 peratus) adalah dari Kluster Tapak Bina Damanlela** yang melibatkan generasi kelima dan keenam. Pelaporan kes kedua tertinggi mengikut negeri ini adalah dari negeri Selangor sebanyak **503 kes (28.4 peratus)** dan diikuti dengan Sabah sebanyak **260 kes (14.7 peratus).**

Sebanyak **120 kes (6.8 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di penjara yang membabitkan Kluster Tembok (99 kes), Kluster Penjara Jalan Harapan (15 kes), dan Kluster Bakti (6 kes).

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

Sehingga kini, terdapat **118 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **56 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Dukacita dimaklumkan terdapat pertambahan **tiga (3) kes** kematian COVID-19 pada hari ini, menjadikan jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **422 kes (0.49 peratus daripada jumlah keseluruhan kes)**.

Ringkasan kes kematian hari ini adalah seperti berikut:

No. Kematian	Kes No.	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (tahun)	Hospital/ Tempat Kematian	Latar Belakang
420	52142	Sabah	Perempuan (WN)	45	Hospital Duchess of Kent, Sandakan	Penyakit kencing manis, darah tinggi, buah pinggang kronik, dan strok
421	54828	Sabah	Lelaki (WN)	88	Hospital Duchess of Kent, Sandakan	Penyakit darah tinggi, kelenjar prostat, dan buta

422	56822	Sabah	Lelaki (WN)	75	Hospital Duchess of Kent, Sandakan	Penyakit darah tinggi, paru-paru kronik dan jantung
-----	-------	-------	----------------	----	---	---

\*WN merujuk kepada warganegara.

KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

## **MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER**

Sehingga 15 Disember 2020, terdapat sebanyak **418 kluster** telah dilaporkan. Jumlah kluster yang telah tamat pula adalah sebanyak **229 kluster** termasuk **dua (2) kluster** yang tamat pada hari ini iaitu Kluster Istimewa dan Kluster Sepanggar di Sabah. Ini menjadikan jumlah kluster aktif yang dipantau adalah sebanyak **189 kluster**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **55 kluster** melaporkan pertambahan kes pada hari ini. Kluster-kluster yang melaporkan pertambahan kes baharu tertinggi adalah **Kluster Tapak Bina Damanlela (568 kes), Kluster Tembok (99 kes), dan Kluster Tapak Bina Rimbun (27 kes).**

## **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

15 Disember 2020 @ 5.30 petang.

**LAMPIRAN 1**

**BILANGAN KES COVID-19  
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 15 DISEMBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>SABAH</b>	260	33,371
<b>SELANGOR</b>	503 (3)	22,082
<b>W.P. KUALA LUMPUR</b>	696 (8)	8,897
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	67	6,591
<b>KEDAH</b>	20	2,847
<b>PULAU PINANG</b>	34 (1)	2,714
<b>JOHOR</b>	48	2,663
<b>PERAK</b>	110	2,634
<b>W.P. LABUAN</b>	11	1,457
<b>SARAWAK</b>	0	1,075
<b>PAHANG</b>	8	838
<b>KELANTAN</b>	3	471
<b>MELAKA</b>	5	439
<b>TERENGGANU</b>	7	278
<b>W.P. PUTRAJAYA</b>	0	216
<b>PERLIS</b>	0	45
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>1,772 (12)</b>	<b>86,618</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import

**Perincian 1,772 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 15 Disember 2020 adalah seperti berikut:**

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 696 kes**
  - 629 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - 31 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
  - Lapan (8) kes import dari luar negara; dan
  - 28 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Selangor: 503 kes**
  - 62 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - 165 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
  - Tiga (3) kes import dari luar negara; dan
  - 273 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Sabah: 260 kes**
  - 52 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - 137 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 71 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Negeri Sembilan: 67 kes**
  - 56 kes daripada kluster-kluster sedia ada;

- Empat (4) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Tujuh (7) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Perak: 110 kes**
  - 105 kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
  - Lima (5) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
- **Johor: 48 kes**
  - 24 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - 19 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Lima (5) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Pulau Pinang: 34 kes**
  - 21 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - Empat (4) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
  - Satu (1) kes import dari luar negara; dan
  - Lapan (8) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Kedah: 20 kes**
  - 11 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - Tujuh (7) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.



- **Wilayah Persekutuan Labuan: 11 kes**
  - Lima (5) kes daripada kluster sedia ada;
  - Tiga (3) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19
  
- **Pahang: Lapan (8) kes** daripada kluster-kluster sedia ada.
  
- **Terengganu: Tujuh (7) kes**
  - Lima (5) kes daripada kluster sedia ada; dan
  - Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
  
- **Melaka: Lima (5) kes**
  - Satu (1) kes daripada kluster sedia ada;
  - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Kelantan: Tiga (3) kes**
  - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.